

24 APR 2001

DR MAHATHIR LAWAT UAE MULAI KHAMIS

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Emiriyah Arab Bersatu selama tiga hari bermula Khamis ini.

Wisma Putra berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa dalam lawatan kerja tiga hari itu, Perdana Menteri akan menghadiri persidangan tokoh-tokoh korporat dan perniagaan di Dubai dan akan menyampaikan ucapan utama mengenai peranan negara-negara Islam dalam menghadapi cabaran di abad ke-21.

Dr Mahathir juga akan melawat Dubai Internet City (DIC) dan menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman antara DIC dan Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Beliau juga dijadual menghadap Putera Mahkota Dubai Sheikh Mohammed Rashid Al-Maktoum.

"Mereka mungkin membincangkan soal mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA  
MAM MAM MAI